



**PERUTUSAN DATUK BANDAR**  
**MESYUARAT MAJLIS BIL. 4/2018 (PENGGAL 2018/2020)**  
**30 OKTOBER 2018 (21 SAFAR 1440H)**

**BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM**

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

1. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Majlis, Ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai dan seterusnya warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang telah bersama-sama dalam memberikan kerjasama dan komitmen yang sepenuhnya kepada Majlis bagi memastikan pelbagai program dan aktiviti yang telah dirancang dapat dilaksanakan dengan sebaiknya.

Selaku Datuk Bandar Petaling Jaya, saya akan sentiasa menitikberatkan perkhidmatan yang berkualiti dan berintegriti diberikan kepada warga Petaling Jaya. Bersesuaian dengan aspirasi dan kehendak penduduk Petaling Jaya, komitmen yang jitu serta semangat kerja berpasukan di antara satu sama lain adalah elemen terpenting yang perlu dikehodapankan.

**2. PENGURUSAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM**

Majlis komited dalam melaksanakan program-program mengikut keperluan dan aspirasi penduduk Petaling Jaya. Sebahagian besar daripada peruntukan perbelanjaan Majlis akan digunakan untuk program penyelenggaraan terutamanya bagi menyediakan infrastruktur yang lebih efisien dalam mengurangkan kos-kos kendalian Majlis di masa akan datang.

Masalah-masalah seperti kemudahan awam dirosakkan, banjir kilat, parit yang tidak diselenggara dengan baik dilihat masih lagi menjadi masalah utama kepada penduduk yang perlu diselesaikan oleh Majlis. Berdasarkan situasi yang dihadapi, Majlis perlu merangka dan melaksanakan program-program membaik pulih dan menyelenggara secara berperingkat-peringkat dengan kadar segera selaras dengan keperluan sistem Perancangan Pengangkutan Petaling Jaya menjelang tahun 2030.

Melalui bengkel dan perjumpaan bersama Persatuan Penduduk, Kawasan Rukun Tetangga, NGO, Ahli-Ahli Majlis, Ahli Dewan Negeri dan Ahli Parlimen kawasan Petaling Jaya, beberapa perkara utama dapat dibincangkan. Perkara utama tersebut adalah merangkumi kerja-kerja penyelenggaraan infrastruktur jalan, kebersihan longkang, menaik taraf kemudahan awam dan lain-lain yang berkaitan.

Justeru, Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menyediakan peruntukan khusus berjumlah RM 3 juta untuk kerja-kerja yang melibatkan Persatuan Penduduk. Melalui peruntukan ini, persatuan penduduk yang berdaftar dengan Majlis boleh memohon dengan menggunakan peruntukan yang telah disediakan untuk kerja-kerja menaik taraf kemudahan infrastruktur serta kemudahan awam yang telah dikenal pasti di kawasan mereka dan tertakluk kepada kelulusan Majlis.

Ia juga selari dan bertepatan dengan aspirasi Kerajaan Negeri yang proaktif mencari jalan penyelesaian yang tuntas terhadap banjir kilat yang banyak melanda kawasan di Selangor sejak akhir-akhir ini. Selain taburan hujan yang tinggi dan luar biasa, faktor-faktor penyelenggaraan dan menaik taraf infrastruktur perlu diambil serius bagi mengelakkan banjir kilat dari terus menerus berlaku. Selain ianya merencatkan sedikit sesuatu pembinaan di suatu tempat, ia juga akan menyebabkan

masyarakat mempersoalkan peranan agensi kerajaan dan PBT yang bertanggungjawab dalam menjalankan kerja-kerja pemantauan di lapangan.

Sejajar dengan itu, Majlis akan meneruskan pembangunan infrastruktur dan utiliti hijau seperti pengurusan sistem aliran yang mesra alam dan pada masa yang sama mengurangkan impak pembangunan dengan meminimakan pencemaran alam sekitar. Di antara perkara yang akan diambil tindakan adalah **cadangan tebatan banjir** dan **menaik taraf saliran serta penyelenggaraan longkang, menyelenggara dan menaik taraf cerun** dan **membangunkan sistem pengurusan aset jalan**.

### 3. URBAN TROPICAL RETRETE

Laman MBPJ yang berkeluasan 1.643 ekar yang terletak di hadapan ibu pejabat MBPJ merupakan laman yang dibina pada tahun 2005 dengan reka bentuk berkonsepkan '*Urban Tropical Retrete*'. Konsep landskap direka ketika itu adalah bersuasanakan kepelbagaian spesis tumbuhan tropika yang memberikan kesan seperti di dalam hutan.

Pada tahun 2016, Majlis merancang untuk menaik taraf laman MBPJ tersebut. Sehubungan itu, Jabatan Landskap telah dipertanggungjawabkan mereka bentuk konsep baru bagi laman MBPJ bagi mempelbagaikan lagi kepenggunaannya. Empat elemen utama telah diambil kira dalam reka bentuk iaitu:

- i. **Sosial** - Penggunaan kawasan yang maksimum bagi sebarang aktiviti sosial
- ii. **Pendidikan** - Mendidik pengunjung mengenai persekitaran dan fungsi biodiversiti

- iii. **Persekutaran** – Reka bentuk persekitaran yang mampan seperti ‘Urban Reforestration dan mewujudkan ‘Rain Garden’
- iv. **Emosi** - Kualiti penggunaan ruang untuk berehat, bersosial dan menjadi halaman formal untuk ibu pejabat Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Pada masa yang sama, reka bentuk baru laman MBPJ juga menggunakan strategi reka bentuk sejagat *Universal Design*, *Sensitive Water Urban Design* (SWUD), *Crime Prevention Through Environmental Design* (CPTED), *City Of Art* dan *User Programe* bagi memastikan kemampunan laman. Reka bentuk juga akan menampilkan imej korporat sebagai laman utama ibu pejabat Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Sebanyak 80 batang pokok akan ditebang manakala 20 batang pokok akan dikekalkan. Selain itu, 4 batang pokok akan dipindahkan dan sebanyak 1000 pokok renek dan pokok kecil dipindahkan ke tapak semaian MBPJ bagi tujuan semaian dan penanaman semula di taman lain.

Ruang landskap laman tersebut akan kelihatan seperti *Urban Forest* dimana 209 pokok dari pelbagai jenis pokok dan 12,000 pokok renek akan ditanam. Sebuah kolam ‘*Dry Pond*’ akan dibina termasuk jambatan dan papan tanda bagi tujuan pembelajaran dimana kolam ini bertindak sebagai sistem SWUD yang akan menakung air dari kawasan laman bagi mengurangkan ‘*Water Run-off*’ masuk ke longkang dan mengelakkan banjir kilat di bandar. Sistem ini juga akan menapis air dari pencemaran secara ekologi. Sebanyak 500 batang tanaman akuatik akan ditanam bagi mengimbangkan sistem ekologi kawasan

Laman MBPJ. *Dry Pond* ini akan bertindak sebagai kawasan tadahan bagi menyelesaikan masalah ketiadaan saliran di laman.

Kawasan laman juga akan diaraskan semula bagi menyediakan ruang yang lebih besar dan terbuka yang dapat menampung seramai 500 orang pada satu masa. Pembinaan ‘*Water Feature*’ bertindak mengimbangkan suhu di kawasan ini dan memberikan kesan bunyi semulajadi.

Pembinaan fizikal menaik taraf laman MBPJ ini dijangka bermula November dan dijangka tamat pada Oktober 2019. Majlis mengharapkan projek menaik taraf laman ini akan menjadi projek contoh dari segi reka bentuk, prosedur kerja, kualiti pembinaan dan kawalan keselamatan pembinaan dan menjadi penanda aras dari segi pembangunan mampan ke arah *PJ Sustainable City 2030*.

#### **4. JOM BAYAR LESEN PERNIAGAAN 2019**

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menganjurkan kempen **Jom Bayar Lesen Perniagaan 2019** bermula 1 Oktober 2018 hingga 31 Disember 2018.

Bagi melancarkan proses pembaharuan lesen ini, Majlis akan mengadakan 22 kaunter bergerak bertujuan mengurangkan kesesakan di kaunter ibu pejabat pada waktu puncak. Lokasi-lokasi pilihan kaunter bergerak adalah seperti berikut:

**a) Pusat membeli belah:**

| Bil | Tempat               | Tarikh                   | Masa |
|-----|----------------------|--------------------------|------|
| 1.  | Jaya Shopping Centre | 1 & 2<br>November 2018   |      |
| 2.  | Tesco Ara Damansara  | 7 & 8<br>November 2018   |      |
| 3.  | Paradigm Mall        | 13 & 14<br>November 2018 |      |

|     |                         |                           |                             |
|-----|-------------------------|---------------------------|-----------------------------|
| 4.  | Giant Kelana Jaya       | 15 & 16 November 2018     | 11.00 pagi -<br>6.00 petang |
| 5.  | Tropicana City Mall     | 21 & 22 November 2018     |                             |
| 6.  | Sunway Giza             | 28 & 29 November 2018     |                             |
| 7.  | Starling Mall           | 4 & 5 Disember 2018       |                             |
| 8.  | Citta Mall              | 12 & 13 Disember 2018     |                             |
| 9.  | One Utama Shopping Mall | 18, 19 & 20 Disember 2018 |                             |
| 10. | Amcorp Mall             | 26 & 27 Disember 2018     |                             |

**b) Pasar awam, pasar malam dan pasar lambak**

| Bil | Tempat                                | Tarikh                | Masa                             |
|-----|---------------------------------------|-----------------------|----------------------------------|
| 1   | Pasar Malam SS 2/60, SS 2/61          | 12 November 2018      | 4.00 petang -<br>9.00 malam      |
| 2   | Pasar Malam Medan 9                   | 14 November 2018      |                                  |
| 3   | Pasar Malam Taman Dato' Harun         | 22 November 2018      |                                  |
| 4   | Pasar Awam Old Town                   | 24 & 25 November 2018 | 8.00 pagi -<br>12.00 tengah hari |
| 5   | Pasar Malam Seksyen 17/1A             | 27 November 2018      | 4.00 petang -<br>9.00 malam      |
| 6   | Pasar Malam Jalan SS 24/8 Taman Megah | 2 Disember 2018       |                                  |
| 7   | Pasar Malam Taman Sri Manja           | 4 Disember 2018       |                                  |
| 8   | Pasar Malam Kg. Cempaka PJU 1         | 5 Disember 2018       | 8.00 pagi -<br>12.00 tengah hari |
| 9   | Pasar Awam Sek.14                     | 8 Disember 2018       |                                  |
| 10  | Pasar Malam SS 2/6, SS 2/10           | 13 Disember 2018      |                                  |
| 11  | Pasar Malam SS8, Sg. Way              | 17 Disember 2018      | 4.00 petang -<br>9.00 malam      |
| 12  | Pasar Lambak SS 2/62                  | 22 Disember 2018      | 8.00 pagi -<br>12.00 tengah hari |

Untuk makluman, semakan pembaharuan lesen juga boleh dibuat melaui sistem semakan sendiri MBPJ (Self Checking System) di pautan <http://eperkhidmatan.mbpj.gov.my/elesen>.

Majlis turut memperkenalkan aplikasi **eLesen MBPJ** sebagai usaha penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan berkaitan lesen

yang kini boleh dimuat turun melalui peranti android di Google Playstore. Melalui aplikasi ini, pelanggan boleh mengimbas kod bar pada lesen yang bertujuan untuk:

- a) Menjejak pergerakan permohonan daripada lesen sementara ke lesen kekal.
- b) Menyemak bilangan kompaun yang dikaitkan dengan akaun lesen.
- c) Membaca maklumat terkini mengenai akaun lesen yang diimbas.

Pengguna aplikasi turut boleh mengimbas kod QR pada pelekat premis yang ditampal di luar premis perniagaan bagi mengetahui nama syarikat, alamat lesen, aktiviti yang dilesenkan dan tempoh sah laku lesen. Selain itu juga ianya boleh menggunakan maklumat berkenaan untuk membuat aduan kepada MBPJ sekiranya aktiviti yang dilesenkan tidak sama dengan aktiviti yang dijalankan.

Pengguna aplikasi itu turut akan menerima pemberitahuan berkenaan pengumuman terkini dan berita terkini daripada Jabatan Pelesenan MBPJ seperti pautan borang, standard operating procedure (SOP), promosi dan lain – lain. Pada masa akan datang aplikasi ini juga boleh dimuat turun oleh pengguna peranti iOS (Appstore).

Berdasarkan rekod, sebanyak 48,080 pemegang lesen perlu memperbaharui lesen bagi tahun 2019. Sehingga September 2018, sebanyak 5,068 permohonan baru diterima dan 5,211 lesen telah dibatalkan.

## **5. INTERNATIONAL FOLKLORE FESTIVAL: PJ FAIR 2018**

Festival Petaling Jaya atau lebih sinonim dengan “PJ Fair” pada tahun ini akan diadakan pada 4 hingga 11 November 2018, bertempat di Dataran Petaling Jaya, Persiaran Barat, Seksyen 52, Petaling Jaya.

Festival ini merupakan acara tahunan anjuran Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan merupakan tahun ke-6 penganjurannya sejak mula diadakan pada tahun 2013. Festival ini bertujuan untuk mempromosikan bandar raya Petaling Jaya sebagai Kota Seni dan sebuah destinasi pelancongan antarabangsa melalui kepelbagaian dan keharmonian budaya komunitinya serta persekitaran perbandarannya yang mampan.

Selain itu, festival ini juga bertujuan untuk menyokong pelaksanaan Pelan Induk *PJ Sustainable 2030* dan dasar-dasar perbandaran di peringkat global khususnya berkaitan dengan aspek pembangunan budaya dan komuniti.

Perkara 10, 124 dan 125 Agenda Perbandaran Baru (New Urban Agenda) merupakan komitmen global oleh Ketua-Ketua Negara dan Kerajaan semasa Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perumahan dan Pembangunan Bandar Mampan (HABITAT III) yang diadakan pada 17 hingga 20 Oktober 2016 di Quito, Ecuador telah memperakui bahawa budaya juga merupakan komponen utama dalam perancangan bandar dan mengiktiraf peranan dan manfaatnya dalam pembangunan mampan bandar-bandar.

Program utama festival pada tahun ini menjurus kepada mempromosikan kepelbagaian dan keharmonian budaya dan kesenian komuniti setempat dan antarabangsa dengan tema International Folklore Festival.

Tema ini adalah kali ke-2 dipilih selepas penganjuran tahun 2014. Pelbagai acara menarik yang bercirikan *crowd puller, trendy dan lifestyle* akan diadakan antaranya persembahan kebudayaan, konsert artis tempatan, cabaran Malaysia Book of Records – The Most Number

of Mannequin Challenge Participants, Asian Corner (Food & Beverages, Clothes, Handicrafts etc.), Painting & Pledge And Plant A Tree (World Habitat's Day), PJ Green Explorace, Fun Run, Smart Ride, International Netball Championship, pertandingan memancing, kids zone dan lain-lain lagi.

Kemuncak acara adalah perasmian oleh Dato' Menteri Besar Selangor, YAB. Tuan Haji Amirudin Bin Shari dan disusuli dengan persembahan kebudayaan oleh sembilan buah negara seperti Malaysia (etnik Melayu, Cina, India, Punjabi, Borneo), Indonesia (Bandung), Jepun (Miyoshi), Korea Selatan (Asan), Thailand, Filipina, Iran, Finland dan Botswana.

Negara-negara ini terdiri daripada bandar-bandar di bawah program PJ Friendship City dan International Council of Folklore Festival and Folk Arts Organizations (CIOFF) iaitu sebuah badan bukan kerajaan (NGO) di peringkat antarabangsa di bawah seliaan United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO).

## 6. KESIHATAN DAN KEBERSIHAN DI PETALING JAYA

### 6.1 KES DENGGI DI PETALING JAYA

Jumlah kes demam denggi bagi tahun 2018 sehingga minggu epid 41 adalah sejumlah **2699 kes** telah dicatatkan. Jumlah ini menunjukkan **penurunan** kes sebanyak **10 peratus** berbanding tempoh yang sama tahun 2017 (2984 kes). Tiada kes kematian dilaporkan setakat ini. Jumlah ini juga adalah yang terendah berbanding 2 PBT lain di daerah Petaling.

Manakala jumlah lokaliti wabak sehingga minggu epid 41 berakhir pada 13 Oktober 2018 adalah **4 lokaliti wabak**. Bilangan Kawasan Hotspot Terkini Dilaporkan (Sehingga 15/10/2018) adalah seperti berikut:

| Bil           | Senarai Nama Lokaliti Wabak               | Jumlah Kes Terkini | Wabak Di JangkaTamat |
|---------------|---|--------------------|----------------------|
| 1             | BL PJU 6 BU 2 (Teres A : JALAN 2/1 – 2/9) | 13                 | 14/10/2018           |
| 2             | DU PJU 1 (1) : KG CEMPAKA                 | 8                  | 21/10/2018           |
| 3             | DU SS 2 (1)                               | 10                 | 25/10/2018           |
| 4             | KD PJU 1A PPRT LEMBAH SUBANG 2 (Blok A-F) | 15                 | 25/10/2018           |
| <b>JUMLAH</b> |   | <b>46</b>          |                      |

## 6.2 KEBERSIHAN DAN KESELAMATAN

Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekutaran telah menjalankan aktiviti ***Post Control Outbreak Surveillance*** di kawasan hotspot yang melebihi 100 hari menggunakan *modified sticky ovitrap* (MSO). Aktiviti yang dijalankan ini adalah hasil usaha kerjasama pihak Entomology Universiti Malaya di Kelana Puteri Kondominium dan ianya akan dijalankan selama enam bulan mulai 21 Ogos 2018. Antara tujuan pemasangan ovitrap ini adalah bagi menilai populasi nyamuk dan membuat analisa kehadiran virus dalam nyamuk melalui ujian **KIT NS-1**

## 6.3 PEMERIKSAAN DAN PENGUATKUASAAN PREMIS MAKANAN

Majlis Bandaraya Petaling Jaya memandang serius aspek kebersihan di seluruh premis makanan di Petaling Jaya. Ini kerana melalui amalan persekitaran tempat makan yang bersih serta kualiti makanan yang baik dan sihat akan menjadikan bandar raya Petaling Jaya bebas daripada penyakit bawaan makanan.

Majlis melalui Unit Penguatuasaan Kesihatan (UPK), Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekutaran begitu komited memantau

aspek kebersihan dengan melakukan penggredan premis makanan di sekitar Petaling Jaya. Selain tidak berkompromi dalam mengambil tindakan penguatkuasaan, Majlis akan memastikan kesemua pemilik premis makanan mahupun pengusaha restoran menjaga kebersihan seperti yang telah ditetapkan di premis kedai masing-masing. Laporan pemeriksaan dan penguatkuasaan ke atas premis makanan sehingga **September 2018** adalah seperti berikut:

| PERKARA              | PEMERIKSAAN (GRED)                   | KOMPAUN  | PENUTUPAN  |
|----------------------|--------------------------------------|--|------------|
| <b>Restoran</b>      | A - 780<br><br>B- 463<br><br>C – 144 | 1281   | 149 Premis |
| <b>Gerai/Penjaja</b> | A - 13<br><br>B - 92<br><br>C - 69   | 1054<br><br>(Termasuk Pasar Malam, Pasar Pagi Dan Bazar Ramadan) | 7 Premis   |

#### 6.4 PROGRAM SEDAR

Pasukan SEDAR, masih aktif lagi dilaksanakan. Sehingga kini, sebanyak **234 pasukan SEDAR** telah ditubuhkan dan diperluaskan kepada lokasi-lokasi seperti berikut:

- 1) 153 Pasukan SEDAR Komuniti
- 2) 65 Pasukan SEDAR Sekolah
- 3) 5 Pasukan SEDAR Tapak Binaan
- 4) 7 Pasukan SEDAR MBPJ
- 5) 2 Pasukan SEDAR Kilang (Western Digital dan Dutch Lady)
- 6) 1 Pasukan SEDAR Hospital (KPJ Damansara Specialist Hospital)
- 7) 1 Pasukan SEDAR Masjid (Masjid Kampung Baiduri)

Saya mewakili seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya, dengan ini merakamkan salam takziah buat keluarga Allahyarham Tuan Haji Salleh Bin Ishak. Pemergian arwah benar-benar mengejutkan kita semua lantaran saya bersama-sama beliau pada program rasmi Majlis dan pada sebelah petangnya pula, turut terlibat sama dalam mesyuarat Majlis sehari sebelum pemergiannya. Di kesempatan ini, marilah kita bersama-sama mendoakan agar Allahyarham ditempatkan bersama-sama orang yang beriman dan beramal soleh.

Al-Fatihah.

**Sekian, terima kasih.**